

Falsafah Dan Kurikulum Pendidikan Islam Abu Hamid Al-Ghazali

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

ABSTRAK: Kertas penyelidikan ini membincangkan kefalsafahan dan kurikulum kependidikan Islam Abu Hamid al-Ghazali dan beberapa korpus metodologi yang wajar digunapakai bagi mencorakkan warna-warni pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan. Konsep pendidikan yang berteraskan Islam oleh Abu Hamid al-Ghazali mengandungi banyak faedah dan manfaat yang boleh diaplikasikan supaya moral dan akhlak seseorang manusia bertambah mantap dan holistik. Penyelidikan ini dijalankan menggunakan metode kualitatif yang berbentuk kepustakaan. Proses pengumpulan data pula adalah melalui sorotan ilmiah seperti jurnal, prosiding, buku, artikel, ensiklopedia dan lain-lain lagi yang mana dikenali sebagai analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa, beberapa komponen, model dan teori berdasarkan pemikiran Abu Hamid al-Ghazali dapat memberikan sumbangan yang besar kepada kemajuan bidang pendidikan Islam selain menggambarkan kriteria sebenar sesebuah masyarakat bertamadun.

Kata Kunci: Falsafah, Kurikulum, Pendidikan Islam, Abu Hamid al-Ghazali

1.0 PENGENALAN

Sejarah dalam kemajuan bidang pendidikan merupakan perkara yang perlu diterokai dengan lebih mendalam jika sesebuah tamadun itu menunjukkan indikator pencapaiannya yang baik. Pembangunan dalam perbendaharaan ilmu yang telah digapai oleh umat Islam terdahulu semestinya berkesinambungan dengan motivasi yang teguh hasil kekuatan agama yang kukuh. Pertalian yang baik antara pemerintah dalam sesebuah kerajaan dengan ahli-ahli cendekiawan ditambah lagi dengan wujudnya kebudayaan ilmiah atau dimensi pengetahuan yang sangat tinggi menunjukkan prestasi yang luar biasa daripada masyarakat nomad yakni bangsa Badwi. Sesungguhnya tidak pernah difikirkan bahawa, sesebuah peradaban Arab yang dahulu sangat dikenali dengan identiti jahiliahnya mampu menjadi pemimpin dan boleh memberikan sumbangan yang sangat berharga terhadap bidang keilmuan seperti astronomi, matematik, kimia, fizik, falsafah, dan seterusnya menjadi tonggak utama dalam perkembangan ilmu pengetahuan di seluruh dunia (Mohd Nawi, 2020)

Kehadiran mana-mana tokoh berilmu dalam setiap bidang pengetahuan itu menjadi penanda aras terhadap perkembangan ilmu yang merangkumi pelbagai aspek dan menjadikan sesebuah peradaban Islam itu berkembang terutama dalam bidang pendidikan. Semestinya ia adalah tonggak serta asas kepada pembentukan sesebuah tamadun. Salah seorang ikon pendidikan dalam kalangan orang-orang Islam adalah Abu Hamid al-Ghazali. Beliau mendapat pendidikan pertama dalam bidang kefalsafahan ketika beliau mempelajari dengan gurunya iaitu Syekh Abul Ma'ali Abdul Malik bin Abdillah Al-Juwaini an-Naisaburi di Naisabur, Iran. Manakala dalam bidang-bidang yang lain pula, beliau mempelajari dengan ramai lagi guru antaranya Syekh Ahmad bin Muhammad al-Radzakani, Imam Abu Nasr al-Isma'ili, Imam al-Haramain al-Juwaini dan banyak lagi. Imam Abu Hamid al-Ghazali adalah seorang tokoh yang menguasai banyak bidang keilmuan seperti tasawuf, tauhid, hadis, al-Quran, ilmu mantik dan ahli fekah bermazhab as-Syafie (Ahmad Syadani, 1997).

Antara aspek atau dasar kependidikan yang acapkali disentuh oleh para intelektual dan sarjana pendidikan terdahulu adalah meliputi kaedah mengajar, rancangan pembelajaran dan perencanaan komprehensif yang dapat diimplementasikan dalam sistem pendidikan.

Pandangan Abu Hamid al-Ghazali berkenaan pendidikan adalah supaya tidak memaksa setiap anak didik untuk tunduk hormat terhadap pendidik walau apa cara sekalipun akan tetapi perlu menyeru mereka (anak didik) untuk mematuhi guru selama mana guru tersebut tidak melakukan perbuatan yang bertentangan dengan perintah agama. Dalam konteks lain, Abu Hamid al-Ghazali juga menyeru kepada para pendidik untuk bersikap profesional dan selalu membendung dirinya daripada perkara-perkara yang tidak disukai oleh Allah s.w.t. Hal ini demikian kerana, murabbi adalah pemangkin keteladanan terhadap pelajar-pelajarnya.

Berpandukan maklumat yang terkandung dalam kitab-kitab penulisan beliau yang ada sekarang ini, sudah pasti Abu Hamid al-Ghazali merupakan seorang ilmuan yang sangat terkenal di seluruh dunia. Kebanyakan negara Islam menjadikan teks atau kitab atau setiap terjemahan hasil karyanya untuk ditelaah dan dijadikan sumber rujukan oleh badan-badan pendidikan. Berpandukan hasil kajian yang dijalankan di negeri Kelantan pada sekitar tahun 1980, tulisan seperti *Ihya Ulum ad-Din*, *Minhaj al-Abidin* dan *Sairus al-Salikin* yang dihasilkan oleh Abu Hamid al-Ghazali telah dijadikan bahan pengajaran bagi pengajian ilmu suluk (kesufian) di pusat-pusat pendidikan pondok Kelantan (Zakaria Stapa, 1993)

2.0 TUJUAN KAJIAN

Kertas kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengupas bentuk-bentuk falsafah dan kurikulum dalam pendidikan Islam berdasarkan penulisan kitab-kitab muktabar Abu Hamid al-Ghazali serta jenis-jenis metodologi yang boleh dilaksanakan agar dapat memeriahkan lagi pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan. Segala cadangan dan penambahbaikan pendidikan daripada Abu Hamid al-Ghazali dihuraikan dengan kritis dan kritikal.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Bagi tujuan penyediaan kertas ilmiah yang bermutu, pengkaji hanya memilih penggunaan metode kualitatif yang berbentuk kepustakaan. Tumpuan penyelidikan pula adalah terhadap falsafah dan kurikulum Abu Hamid al-Ghazali dalam pendidikan Islam. Penyelidikan ini juga dijalankan menggunakan sorotan ilmiah seperti jurnal, prosiding, buku, artikel, ensiklopedia dan lain-lain lagi yang mana dikenali sebagai analisis dokumen.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Biodata Ringkas

Nama Abu Hamid al-Ghazali yang sebenar adalah Abu Hamid, Muhamad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi dan pernah mendapat beberapa gelaran seperti Hujjat al-Islam, Zain al-Abidin, Siraj al-Mujtahidin, al-Ghazali dan lain-lain lagi (Janin, 2005 dan al-Dzahabi, 2014). Beliau dilahirkan pada tahun 1058 masihi bersamaan dengan 450 hijrah di salah sebuah perkampungan yang dinamakan Ghazalah, bandar Tous, Iran (al-Sharbasi, 1975; Esposito, 2003 dan Griffel, 2009). Pada hari ini kawasan tersebut terletak di bahagian timur laut Iran, berhampiran dengan bandar Masyhad, Khorasan (M. Roaf *et al.*, 2017). Beliau juga dikenali dengan panggilan 'al-Naisaburi'. Menurut Oliver Leaman (2000), terdapat beberapa julukan dan nama sanjungan yang dianugerahkan kepadanya bukan sekadar pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam bidang keilmuan, bahkan juga merupakan suatu pengakuan oleh penduduk dunia terhadap ketokohnya yang sangat hebat, sehinggakan

ada dalam kalangan ahli ilmunan menggelarkannya sebagai “The Greatest Muslim” selepas Nabi Muhammad s.a.w

Abu Hamid al-Ghazali berasal daripada keluarga yang berkedudukan sederhana dalam masyarakat yang menekankan aspek penghayatan ajaran Islam dalam melayari bahtera kehidupan mereka. Menurut Sirajuddin (2007), ayahnya bekerja sebagai penenun bulu binatang untuk dibuat pakaian yang kemudiannya dijual di kedai-kedai di bandar Tus, Khurasan. Beliau merupakan seorang lelaki miskin yang soleh, ahli tasawuf, dan seorang manusia yang jujur serta baik hati. Bapanya suka bergaul dengan para ulama’ dan juga para sufi sambil memetik ilmu-ilmu agama, serta berbakti dan berkhidmat kepada mereka.

Beliau meninggal dunia semasa Abu Hamid al-Ghazali dan saudaranya yang bernama Abu al-Fattah Ahmad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali berumur lebih kurang enam tahun tetapi sempat menyerahkan sedikit wang saraan serta mewasiatkan tentang pengurusan pembelajaran kedua-dua anaknya itu kepada sahabat asuhannya yang menjadi guru dan ahli tasawwuf (al-Subki, 1964; Griffel, 2009 dan Bowering, 2012). Sahabatnya itu telah mendidik dan mengajar mereka berdua menulis sehinggalah wang peninggalan bapanya habis. Kemudian sahabat bapanya itu telah menasihatkan Abu Hamid al-Ghazali dan saudaranya itu agar berhijrah ke Tusi dan belajar di sebuah madrasah yang didirikan oleh perdana menteri Nizam al-Muluk (Azlan Khalili Shamsudin, 1991). Di situ beliau banyak mempelajari bidang tasawwuf dengan tokoh tasawwuf terkenal, Yusuf al-Nassaj. Kemudian, beliau menyambung pengajian di Jurjan pada tahun 465 hijrah sehingga 470 hijrah (Sidek Baba, 1988). Ayahnya mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu berhasrat supaya kedua-dua anaknya menjadi orang alim dan soleh. Abu Hamid al-Ghazali dan abangnya adalah seorang ulama, ahli falsafah Islam, tokoh pemikir Islam yang terkemuka yang banyak memberi sumbangan bagi perkembangan kemajuan manusia.

Seterusnya, pada tahun 473 hijrah, beliau mula berpindah ke Naisabur, Iran untuk menuntut ilmu pengajian Islam dengan Imam al-Juwaini. Di bawah kelolaan gurunya itu, beliau mempelajari fekah, usuluddin, sains, falsafah dan mantik dan antara yang paling utama adalah matapelajaran ilmu kalam. Selepas kewafatan Imam al-Juwaini, beliau pergi berjumpa dengan Nizam al-Muluk (pemerintah dari kerajaan Turki di Muaskar) dan berjaya mencuri tumpuan pemerintah berkenaan untuk menjawat jawatan sebagai guru fekah di Madrasah Nizhamiyah, pusat pengajian tinggi di Baghdad (Hasan Langgulong, 1987). Di situ juga, Abu Hamid al-Ghazali sendiri pernah memegang jawatan sebagai Naib Timbalan Canselor (Griffel, 2009). Perlantikan itu adalah penghormatan tertinggi universiti berdasarkan kecemerlangan ilmu dan kepetahan al-Ghazali berhujah. Sepanjang tempoh beliau berada di Madrasah Nizhamiyah inilah kegemilangan dan kealiman ilmu beliau kian menonjol. Dikatakan sebarang aktiviti ilmu yang dilakukan oleh beliau pada zaman itu, kira-kira seramai 400 orang sarjana dan pemimpin tersohor seluruh dunia telah mengunjungi beliau, antaranya Abu al-Wafa Ali bin Aqil bin Ahmad al-Baghdadi, Abul Khattab al-Kalwadzani dan ulama lain (al-Syarabasi, 1975 dan Qasim, 1970). Antara bidang-bidang ilmu yang dikuasai oleh Imam al-Ghazali (Ludwig W. Adamec, 2009; Griffel, 2016; Hermawan *et al.*, 2011):

1. Beliau menguasai ilmu usul fiqh, fikah dan siasah syaria. Oleh itu beliau terkenal sebagai mujtahid dan ahli hukum.
2. Beliau juga boleh menguasai ilmu falsafah sehingga digelar falsafah. Keilmuannya dalam bidang ini ternyata dalam bukunya Tahafut al-Falasifah (Kecelaruan Ahli Falsafah).
3. Bidang-bidang ilmu lain yang beliau kuasai seperti pendidikan, akhlak dan tasawuf.

Falsafah Pendidikan Islam Abu Hamid Al-Ghazali

Menurut Ed L. Miller (1984), falsafah adalah satu prakarsa menggunakan akal secara logik dan kritikal tentang sesuatu dengan signifikan dalam pendidikan. Berfikir secara wajar atau berasas membawa maksud menggunakan akal secara rasional untuk menghasilkan pandangan yang tidak berselirat dengan pemikiran yang sesuai atau betul. Sedangkan menggunakan akal secara kritikal menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2007) pula adalah suatu pertimbangan yang dilakukan terhadap perkara-perkara penting hendaklah berlandaskan sumber pengetahuan, sama ada melalui penyelidikan atau apa-apa perkara yang pernah dialami atau melalui tindakan seseorang yang berkredibiliti

Makna falsafah dalam ruang lingkup pendidikan berasaskan Islam ialah suatu ilmu tentang pemahaman yang difikirkan sebagai dasar atau yang besar atau sesuatu halatuju yang efektif dalam bidang pendidikan (Halim El-Muhammady, 1984).

Gagasan pendidikan berteraskan Islam adalah suatu usaha menerapkan nilai-nilai moral dan budaya yang berimpak dan bersesuaian dengan ajaran Islam selain menempatkan al-Quran dan hadis Nabi Muhammad s.a.w sebagai kerangka utama. Sesungguhnya dasar pendidikan berteraskan Islam mengandungi ciri-ciri keagamaan serta model akhlak unggul berlandaskan matlamat dan strateginya. Teori pendidikan daripada Abu Hamid al-Ghazali sebenarnya memiliki kriteria keagamaan. Minat dan perhatiannya ini lebih memusat kepada bidang tasawwuf. Abu Hamid Al-Ghazali mengatakan, dasar pendidikan yang betul adalah suatu *wasilah* untuk menghampirkan diri kepada pencipta. Pendidikan merupakan pemangkin kepada kesejahteraan di dunia dan akhirat. Oleh sebab itulah, untuk menggapai sasaran itu, bidang pendidikan mestilah diberikan perhatian terhadap beberapa aspek yang signifikan. Abu Hamid al-Ghazali berpendapat bahawa, bidang pendidikan hendaklah meletakkan ilmu dan pengetahuan pada suatu kedudukan yang khusus agar dapat dihormati, diberikan penghormatan berpandukan ilmu tersebut dan dianggap sebagai tempat yang terpuji. Pengertian penghormatan terhadap ilmu merupakan pandangan yang tinggi terhadap murabbi. Ilmu dan pengetahuan berpandukan pendapat Abu Hamid al-Ghazali adalah sebagai sahabat ketika waktu sepi, teman di waktu bersendirian, pedoman untuk beragama, pengaruh kepada kesabaran dan ketika terbabas dalam kesusahan.

Teori Dan Model Pendidikan Abu Hamid Al-Ghazali

1. Metodologi Pengajaran

Ahmad Mohd Salleh (2011) mengatakan bahawa, antara kaedah yang dikemukakan oleh Abu Hamid al-Ghazali dalam pengajaran sebagaimana berikut:

a. Imbang Tara

Kaedah ini digunakan dalam pengajaran sambil menerapkan diskusi ilmiah bagi membuktikan hakikat sebenar sesuatu pemikiran. Menurut kitab *Ihya Ulum Ad-Din*, Abu Hamid al-Ghazali menjelaskan perbandingan pandangan tentang kebaikan dan keburukan nilai sahsiah. Sahsiah atau moral yang baik dianggap sebagai pemanis wajah, pemberi bantuan dan kelebihan serta menghalang sebarang bentuk kesakitan. Menurut Ibnu al-Wasiti, akhlak yang baik adalah seperti:

- i. Menjauhi daripada sebarang pergaduhan dengan orang lain kerana Allah s.w.t.
- ii. Menjauhi manusia daripada perasaan sedih dan mendukalarakan

b. Halakah


Kaedah ini digunakan di pusat-pusat pengajian Islam. Ketika timbulnya gerakan tarbiah Islamiah, pelajar akan melingkungi guru sama ada separa bulatan atau sepenuhnya bagi mendengar pengajarannya. Abu Hamid al-Ghazali telah membangunkan sebuah sekolah berdekatan dengan kediamannya khususnya kepada para pelajar dan sebagai tempat tinggal bagi ahli sufi. Semasa memberikan ceramah ilmunya kepada anak didik beliau, Abu Hamid al-Ghazali turut melakukan amalan halakah di institusi pendidikan tersebut.

c. Nasihat dan Bimbingan

Beliau merupakan seorang yang sangat berhati-hati sebelum mengeluarkan sesuatu pandangan. Beliau juga akan melakukannya terlebih dahulu atau cuba membuatnya sendiri jika terbukti berkesan. Misalnya, dalam mendidik dasar-dasar agama kepada anak-anaknya. Abu Hamid al-Ghazali akan melakukannya dengan metode meneladani atau demonstrasi atau diselangi dengan memastikan keberkesannya yang dikuatkan dengan sesuatu bukti yang sah atau membaca ayat-ayat al-Quran sambil menjelaskan isi serta kandungannya (Fathiyyah Hassan Sulaiman, 1986).

d. Bertukar-tukar Pendapat

Metodologi bertukar-tukar pendapat adalah suatu teknik yang digunakan berpanduan perbincangan, perbincaraan disertai dengan fakta yang benar-benar berlaku, kritikan atau bantahan. Abu Hamid al-Ghazali juga menggunakan metode bertukar-tukar pendapat dan perbincangan untuk memantapkan lagi kemampuan memahami seseorang terhadap ilmu pengetahuan (Abdullah Ishak, 1989). Metode sedemikian ini dapat menajamkan pemikiran dan menguatkan sesuatu hujah di samping memberikan keyakinan sendiri serta kemampuan untuk berkata-kata tanpa melihat teks.



Rajah 1: Kaedah Pengajaran Abu Hamid al-Ghazali

2. Pengaruh Qiyadah

Dalam urusan tentang qiyadah para guru, Abu Hamid al-Ghazali menggariskan kalimat *mursyid*. Walaubagaimanapun, kalimat *mu'allim* dan *mu'addib* juga digunapakai dalam karya-karyanya bagi membayangkan mengenai peranan sebenar seorang guru dalam kepemimpinan dan kepembimbingan terhadap anak murid. Abu Hamid al-Ghazali mengatakan, kalimat *murshid* berdasarkan kepada kepemimpinan dan kepimpinan seorang murabbi untuk *mustarshid* (orang yang dipimpin). Abu Naṣr Muḥammad bin Muḥammad al-Farabi juga menentukan kalimat ini di dalam karyanya *al-Siyasah al-Madaniyah* (Politik Kenegaraan) bagi menggambarkan kepada darjat atau kedudukan seorang murabbi yang dapat mencapai tahap *al-Rais* (penghulu), kemampuan fitrah (*fitrah qawiyah*) dan taraf keilmuan seorang *mursyid* tersebut. Kalimat *mursyid* membawa maksud pakar tunjuk ajar dan terhasil daripada kata perbuatan *arshada* atau *irshad*. Makna *irshad* berdasarkan kalamullah mempunyai beberapa maksud yakni pedoman, pemimpin yang menjadi pembimbing serta pemandu arah ke jalan yang betul dan sahih. *Mursyid* berdasarkan Ab Halim Tamuri et al. (2008 dan 2010) merupakan suatu konsep kepembimbingan seorang pendidik sewaktu dalam kelas supaya dapat memelihara, memberi tunjuk ajar, mengatur, membantu dan menyampaikan sesuatu pelajaran terhadap anak didik agar dapat menitikberatkan diri mereka ke arah keseimbangan (JERIS) serta sebagai manusia yang beramal soleh (Syed Najmuddin Syed Hassan et al., 2009)

Menurut Zainal Abidin Ahmad (1975), konsep qiyadah seorang guru berdasarkan Abu Hamid al-Ghazali adalah menjadikan *ta'dib* sebagai halatuju dalam pendidikan dan pendidik sebenarnya adalah *murshid* yang berperanan mendidik seorang insan standard yang hebat selain menyemai setiap aspek *ta'dib* terhadap anak didiknya seperti *ta'lim*, *tarbiah* dan *riyadah*:

- a. *Taalim* adalah menyampaikan ilmu. Abu Hamid al-Ghazali tidak menetapkan mana-mana teknik menyampaikan ilmu, walaubagaimanapun beliau hanya meletakkan sepenuhnya kepada pendidik untuk bebas mencari alternatif dan metodologi yang sesuai. Inilah salah satu kelebihan Abu Hamid al-Ghazali.
- b. *Tarbiah* adalah pengasuhan yang dilakukan pendidik bagi memberikan sesuatu asas yang kukuh terhadap setiap pengetahuan agar pelajar boleh mengamalkan ilmu berkenaan.
- c. *Riyadah* adalah latihan. Turut dinamakan sebagai *tamrin* atau *tahdib* bererti mengasuh bayi atau kanak-kanak. Bagi seseorang remaja pula, latihan itu adalah proses pemindahan maklumat atau bimbingan bagi setiap perilaku berdasarkan ajaran dan didikan. Pendidikan adalah suatu proses membentuk disiplin anak-anak secara tegas dan pembelajaran ke arah kesederhanaan dalam hidup

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010), peranan dan tugas guru berpandukan pendapat Abu Hamid al-Ghazali adalah dengan menumpukan aspek moral, pengajaran dan pembelajaran, sumber maklumat dan 'soft skill' sebagai cara yang signifikan dalam kepimpinan guru. Berdasarkan hasil tulisan Abu Hamid al-Ghazali dan ahli sarjana pendidikan yang menghuraikan setiap pandangan beliau, dapatlah dikatakan bahawa, setiap kepembimbingan yang perlu ditonjolkan oleh guru adalah:

- a. Menyemai perasaan sayang yang bersifat keibubapaan,
- b. Menunjukkan qudwah
- c. Pemangkin akhlak pelajar
- d. Pengurus dalam pengajaran dan pembelajaran

3. Sahsiah Unggul

Muhammad Ali al-Hashimi (2006) menyatakan sahsiah manusia menggambarkan sifat 'individual' bervariasi daripada setiap yang lain. Pengertian sahsiah adalah sesuatu yang dimiliki iaitu ciri atribut khusus pada seseorang atau kriteria dalaman (*batiniah*) yang sebatian dalam diri seorang insan. Murabbi adalah seorang ketua yang sepatutnya memiliki kemampuan membentuk pelajar menjadi Muslim bersahsiah, berakhlak dan beradab. Sahsiah pelajar yang unggul dan indah adalah sahsiah yang mampu menjaga silaturahim yang teguh dengan Allah s.w.t, Nabi Muhammad s.a.w, keluarga, sahabat dan masyarakat. Abu Hamid al-Ghazali, sebagaimana ikon-ikon pendidikan yang lain seperti Imam an-Nawawi, Abdullah Nasih Ulwan, Ibnu Khaldun, Imam al-Qabisi, Muhamad Salih Samak dan sebagainya menekankan tanggungjawab pendidik dalam menerapkan budi pekerti, tabiat dan tingkah laku yang 'sofistikated'. Abu Hamid al-Ghazali telah meletakkan peringkat-peringkat dalam pendidikan yakni sebanyak lima (5) fasa bagi membangunkan kecerdasan pelajar:

- a. Bermula umur 0 sehingga 6 tahun (secara informal)
- b. Bermula umur 6 sehingga 9 tahun secara formal (memerlukan pujian dan denda).
- c. Bermula umur 9 sehingga 13 tahun secara formal (penerapan tatatertib dan sendiri)
- d. Bermula umur 13 sehingga 16 tahun (waktu pentaksiran sekurang-kurangnya tiga tahun)
- e. Bermula umur 16 tahun (waktu pendidikan kematangan).

4. Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran

Terdapat lima (5) tahap dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran berpanduan Abu Hamid al-Ghazali seperti tidak bercakap, mendengar dengan teliti, mengulang kaji, menfokuskan perbuatan dan kata-kata yang berguna. Oleh sebab itu, kriteria kepemimpinan seorang pendidik yang baik hendaklah dilaksanakan berdasarkan lima (5) panduan utama ini. Tujuannya adalah untuk membimbing pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran selain menjadi petunjuk terhadap guru:

- a. Menggunapakai kaedah kasihan belas dan tidak mencaci atau memaki hamun pelajar
- b. Menerapkan ke dalam diri pelajar suatu kesedaran tentang keperluan mendapatkan ilmu demi menggapai keredhaan Allah s.w.t yang hakiki dan tidak hanya duniawi semata-mata
- c. Mendidik pelajar supaya memberikan perhatian terhadap sesuatu ilmu.
- d. Mendidik pelajar bersikap rendah diri kepada ilmu dan pendidik.
- e. Mendidik pelajar agar mengetahui asas-asas agama dan cuba mendalaminya dahulu serta tidak mendalami sesuatu ilmu pengetahuan yang lain secara sebarono
- f. Mengizinkan pelajar untuk bebas memberikan pendapat akan tetapi di bawah bimbingan guru.
- g. Mendidik pelajar agar mempelajari sesuatu ilmu secara berperingkat berdasarkan keupayaan dan kecerdasan pelajar masing-masing
- h. Boleh juga menyampaikan hadiah atau mengumumkan setiap pencapaian mereka atau menggariskan setiap peranan mereka agar berlaku persaingan yang sihat antara mereka.
- i. Boleh juga secara spontan menghidupkan iklim yang mengembirakan dan menerima setiap perbezaan antara pelajar secara individu.

5. Puji dan Denda

Di dalam kitab Abu Hamid al-Ghazali terdapat banyak huraian mengenai bentuk-bentuk pendidikan terutama sekali dalam konteks pemberian puji atau denda terhadap pelajar. Kitab *Ihya Ulumiddin* sebagai contohnya, banyak mengupas mengenai konsep, prinsip dan nilai pendidikan dalam pemberian puji atau denda.

Jika ditelusuri pemberian denda, Abu Hamid al-Ghazali tidak terlalu agresif dengan meletakkan denda sebagai proses pertama dalam mendidik. Beliau juga meletakkan beberapa syarat pemberian denda yang mesti dilalui iaitu (al-Ghazali, 1990):

- a. Apabila pelajar melakukan sebarang salah laku, maka pendidik sepatutnya memberikan peluang dan ruang kepada pelajar itu untuk memperbaiki dirinya terlebih dahulu. Maka, diharapkan pelajar tersebut mampu menyedari kesilapan yang dilakukannya dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan yang sama.
- b. Jika peringkat pertama tidak berkesan, maka peringkat kedua yakni memberikan teguran, kecaman atau bidasan yang ringan. Tidak digalakkan melakukan peringkat kedua ini di khalayak ramai atau tempat terbuka. Hal ini demikian kerana, dikhuatiri boleh menimbulkan rasa malu negatif. Digalakkan sebarang bentuk nasihat atau kritikan itu ringkas, berhikmah, tidak berbelit dan sukar difahami.
- c. Jika terbukti peringkat kedua masih tidak relevan, walhal segala bentuk bimbingan dan panduan telah diberikan, maka pendidik boleh menggunakan peringkat ketiga ini yakni pemberian denda. Denda yang dimaksudkan adalah hukuman berbentuk fizikal. Denda sebegini tidak boleh dilakukan terburu-buru sehingga memberikan kesakitan melampau kepada pelajar. Setiap denda hendaklah selari atau setimpal dengan kesalahannya.

Puji pula merupakan suatu wadah pendidikan yang dapat memberikan kesan mendalam kepada pelajar dan suatu imbalan terhadap pencapaian yang diperolehinya. Abu Hamid al-Ghazali berpandangan bahawa, jika pelajar melakukan perkara yang baik atau tingkah laku yang terpuji, maka mereka mesti diberikan penghargaan, ganjaran atau hadiah. Di sini Abu Hamid al-Ghazali membahagikan tiga bentuk puji, iaitu (Jajang Aisyul Muzakki, 2017):

- a. Penghargaan sama ada melalui ‘verbal’ ataupun ‘non-verbal’. Penghargaan berbentuk ‘verbal’ misalnya seperti terbaik, bijak, bagus dan lain-lain lagi. Manakala penghargaan berbentuk ‘non-verbal’ adalah menundukkan kepala (tanda bersetuju) dengan wajah berseri-seri atau menunjukkan ‘thumbs-up’ atau menepuk tangan atau menepuk bahu.
- b. Hadiah adalah suatu bentuk ganjaran ‘material’ dengan matlamat supaya pelajar tersebut berasa gembira atau senang hati. Keperluan pemberian hadiah tidak semestinya mahal akan tetapi kegunaan hadiah tersebut sangat dititiberatkan. Di samping itu, pemberian hadiah hendaklah mengikut situasi atau keadaan sahaja.
- c. Sanjungan di hadapan orang lain. Kaedah ini adalah berbentuk penghormatan dan sesuai diberikan di hadapan orang lain, misalkan di hadapan teman sekelasnya atau ibu bapanya atau semasa perhimpunan sekolah.

6. Adab Pelajar Terhadap Pendidik

Sheikh Abdullah bin Mubarak berkata di dalam kitabnya Ghoyatul Nihayah fi Tobaqat al-Qira':

“Aku mendalami adab mencari ilmu sekitar 30 tahun, selepas itu baharulah menuntut ilmu”

Menurut Yasin (2008), adapun bagi Abu Hamid al-Ghazali pula, adab pelajar ketika bersama pendidik terbahagi kepada beberapa kriteria iaitu:

- a. Pelajar hendaklah melakukan sebarang bentuk penyucian hati dan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah.
- b. Pelajar digalakkan tidak terlalu mencintai dunia dan seharusnya menjauhkan diri daripada keluarga dan kampungnya
- c. Pelajar jangan berasa bongkak dan riya' dengan pengetahuan yang dimilikinya dan dilarang sama sekali mencabar gurunya.
- d. Pada peringkat permulaan, pelajar seharusnya memelihara penghormatan diri daripada 'mujadalah' dengan orang lain tentang ilmu pengetahuan.
- e. Pelajar tidak digalakkan ponteng daripada menghadiri diri dalam mana-mana pengajian ilmu atau matapelajaran
- f. Pelajar tidak digalakkan bersifat tamak dengan menyertai semua bidang ilmu dan pengetahuan
- g. Pelajar tidak digalakkan bersifat tamak dengan menyertai semua bidang ilmu tanpa menguasai setiap daripadanya.
- h. Pelajar seharusnya mengetahui matlamat sebenar mempelajari ilmu pengetahuan berkenaan
- i. Pelajar perlu tahu matlamat menuntut ilmu adalah untuk mencorakkan jiwanya dan mencantikkan sifat keperibadiannya.
- j. Pelajar perlu tahu hubungkait ilmu pengetahuan dengan halatuju hidupnya

Berdasarkan kitab al-Adab fi ad-Din tulisan Abu Hamid al-Ghazali, beliau menyatakan kaedah mendidik pelajar memerlukan model, amali dan istiqamah (berterusan) kemudian tunjuk ajar dan galakan sebagai objek pendidikan dalam usaha membangunkan personaliti pelajar selaras dengan kehendak Islam. Pembangunan perwatakan itu terjadi secara perlahan-lahan dan berkembang menuju kesepaduan dan kesempurnaan.

Berdasarkan kenyataan di atas, boleh difahami bahawa, menurut Abu Hamid al-Ghazali terdapat dua syarat utama iaitu:

- a. Gaya mendidik hendaklah konsisten, berulang kali dan bersinambungan sehingga menjadi kebiasaan.
- b. Gaya mendidik hendaklah lahir secara sukarela daripada jiwa dan hati yang ikhlas bukannya dalam bentuk tekanan atau paksaan daripada orang lain atau pengaruh serta pujuk rayu yang membabi buta dan lain-lain lagi.

5.0 KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian yang dilakukan ini adalah menfokuskan teori atau model pemikiran Abu Hamid al-Ghazali dan mengenai ruang lingkup serta ilmu kefalsafahan dalam pendidikan Islam. Abu Hamid al-Ghazali juga ada menggariskan beberapa aspek yang signifikan dalam pendidikan Islam, yakni matlamat utama dalam mencari ilmu pengetahuan dan penggunaan kaedah yang boleh diintegrasikan dalam pendidikan Islam iaitu daripada aspek cara guru mengajar, cara pelajar belajar, objektif pendidikan, metodologi adab pelajar terhadap guru, serta huraian tentang keseluruhan pemikiran yang ada dalam pendidikan. Sebenarnya bentuk pemikiran Abu Hamid al-Ghazali terhadap pendidikan Islam khususnya adalah lebih menfokuskan peraturan atau tatacara yang boleh menjadi sandaran terhadap sistem atau prinsip atau cara laku sebagai seorang pendidik terhadap pelajar. Ini semua membawa kepada pengertian yang sangat penting dan perlulah dipertahankan agar dapat dipraktikkan di mana-mana institusi pendidikan kontemporari.

RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady (1984), "Pendidikan Islam: Skop dan Matlamat", Jurnal Pendidikan Islam, Bil. 1. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 11.
- Abdullah Ishak. (1989). Sejarah perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam. Kajang: Al-Rahmaniah
- Abdullah bin Mubarak. (2006). Ghoyatul Nihayah fi Tobaqat al-Qira'. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Ab. Halim Tamuri. (2008). Kajian Perbandingan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Bangi : Fakulti Pendidikan UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Kamarulzaman Abdul Ghani & Zarin Ismail. (2010). Penilaian Pelajar-pelajar Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia. Persidangan Serantau Pendidikan Islam, 24-25 Julai.
- Al-Dzahabi, Shamsudin Muhammad Ahmed. (2014). *Siyar A'lam al-Nubala* (Edisi. 4; Shu'ayb al-Arna'ut, editor). Lebanon, Beirut: Mu'assassat al-Risalah
- Al-Ghazālī, Abu Hamid Muhammad. (1998). *Ihyā' cUlūm al-Din*. Jilid 1 dan 2. Terj: TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1995). *Motivasi Akhlak Mukmin Sejati*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man. Tajuk asalnya, *Al-Adab fi ad-Din*. Buku ini diterjemahkan oleh Abdullah al-Qari Salleh.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1990). *Ihya' Ulum ad-Din*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath
- Al-Subki, Taj al-Din (1964), *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. (Editor). Abdul al-Fattah Muhammad Hilw dan Muhammad Muhammad al-Tanahi, Edisi 7. Misr: Matba'ah `Isa al-Babi al-Halabi
- al-Sharbasi, Ahmad. (1975). *Al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Jil
- Ahmad Syadani. (1997). *Filsafat Umum*. Bandung: Pustaka Setia. Ms. 178.
- Ahmad 'Atoa Mokhtar, *Pendidikan Imam Al-Ghazali Dalam Pendidikan*. Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd Nizam Sahad. (2014). *Teori Kepimpinan Guru Dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran Al-Ghazali: Satu Perbandingan Dengan Teori*

- Kepimpinan Pendidikan Barat. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia
- Ary Antony Putra. *Konsep Pendidikan Agama Islam Perspektif Imam Al-Ghazali*. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Azlan Khalili Shamsudin. (1991). *Al-Ghazali dan konsep al-Nur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bowering, Gerhard. *Ghazali Encyclopedia Iranica*. Diakses pada 17 December 2012. <http://www.iranicaonline.org/articles/gazali-i-biography>
- Ed L. Miller. (1996). *Questions That Matter: An Invitation to Philosophy*. McGraw:Hill Companies
- Esposito, John, ed. (2003). Sarraj, Abu Nasr al. *The Oxford Dictionary of Islam*. Oxford: Oxford University Press. ISBN 9780195125580. Retrieved 24 April 2018 Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Fathiyah Hasan Sulaiman. (1986). *Sistem pendidikan versi Al-Ghazaly*. Bandung : Al-Ma'arif
- Griffel, Frank. (2009). *Al-Ghazali's Philosophical Theology*. Oxford: Oxford University Press. Isbn 9780195331622
- Griffel, Frank (2016). Zalta, Edward N. (editor). *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Winter 2016 ed.). Metaphysics Research Lab, Stanford University.
- Hasan Langgung. (1987). *Asas-asas pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna
- Hermawan, A. Heris dan Yaya Sunarya. (2011). *Filsafat*, Bandung: CV Insan Mandiri, hlm. 91-92
- Jajang Aisyul Muzakki. (2017). *Pemikiran al-Ghazali Tentang Ganjaran dan Hukuman Dalam Pendidikan Anak*. 3(1). AWLADY: Jurnal Pendidikan Anak. ms. 1-11
- Janin, Hunt. (2005). *The Pursuit of Learning In The Islamic World, 610-2003*. McFarland, Jefferson, N.C ms. 83. ISBN 0786419547
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (Phd), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Retrieved From <http://Dms.Library.Utm.My:8080/Vital/Access/Manager/Repository/Vital:67877>
- Ludwig W. Adamec (2009), *Historical Dictionary of Islam*. Scarecrow Press, ms. 109. Isbn 0810861615
- Mahmud, Qasim. (1970). *Dirasat fi al-Falsafah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Ma'arif
- M. Roaf, E.J. Keall, DARMC, R. Talbert, Sean Gillies, Tom Elliott, dan Jeffrey Becker. (2017) 'Tusa/Sousia: a Pleiades place resource', *Pleiades: A Gazetteer of Past Places*. Diakses pada 5 Januari 2015. <https://pleiades.stoa.org/places/952108>
- M.Zainal Abidin, *Islam Dan Ilmu Pengetahuan Dalam Diskursus Muslim Kontemporer*, Dosen Fakultas Ushuluddin IAIN Antasari Banjarmasin, kandidat Doktor (S-3) di Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta
- Muhammad Ali al-Hashimi. (2006). *The Ideal Muslim: The True Islamic Personality of the Muslim as Defined in the Qur'an and Sunnah*. Riyadh: International Islamic Publishing House
- Mohd Fauzi Hamat. *Ketokohan Al-Ghazali Dalam Bidang Logik*. Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Naw, M. Z. (2020). *Pelaksanaan Tarbiah Islamiah Pada Zaman Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan*. UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 7(3), 27-43
- Oliver Leaman. (2000). *A Brief Introduction to Islamic Philosophy*. United Kingdom: Oxford, United Kingdom. ISBN 978-0745619606



- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman dan Mohd Sabri Mamat. (2009). Kajian Perspepsi Pelajar terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (2). Ms. 31-50.
- Sirajuddin. (2007). *Filsafat Islam*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, hlm. 155.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2007). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Yasin, A. Fatah. (2008). *Dimensi-dimensi Pendidikan Islam*. Malang: UIN-Malang Press.
- Zakaria Stapa. (1993). *Kefahaman Tasawwuf dalam Kalangan Muslim Kelantan*. Dlm. Muhammad Yusoff Hussain et al. *Isu-isu Usuluddin dan Falsafah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zainal Abidin Ahmad (1975). *Konsepsi negara bermoral menurut imam Al Gazali*. Jakarta : Bulan Bintang